

WAKIL RAKYAT BOLEH TERUS BERNIAGA

JITRA: Kerajaan tidak akan menghalang wakil rakyat menyertai bidang perniagaan kerana kegiatan itu turut membantu mereka memenuhi pelbagai permintaan rakyat di kawasan masing-masing yang memerlukan banyak wang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menjelaskan, hanya menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan setiausaha politik tidak dibenarkan berniaga sewaktu memegang jawatan mereka.

Menurutnya, ini kerana mereka diberikan kuasa dengan memegang jawatan-jawatan itu dan kerajaan tidak mahu mereka menggunakan kuasa itu untuk kepentingan diri.

Sehubungan itu, beliau tidak bersetuju dengan pandangan sesetengah pihak supaya wakil rakyat tidak dibenarkan berniaga bagi membolehkan mereka memberi tumpuan kepada pengundi dan kawasan masing-masing.

Beliau berkata, pandangan supaya wakil rakyat tidak dibenarkan berniaga dan dijadikan kriteria bagi pemilihan calon pilihan raya adalah tidak wajar. Ini kerana ia mungkin membebankan wakil rakyat yang terpaksa memenuhi permintaan pengundi mereka.

"Pembabitan wakil rakyat dalam perniagaan adalah sambilan dan tidak ada sebab mereka tidak boleh melawat serta melayan pengundi sambil menjalankan kerja sendiri.

"Jika tidak, wakil rakyat hanya boleh berucap dalam Dewan saja. Kenapa kita mesti menyekat mereka daripada berniaga, bukan banyak sangat elaun yang mereka dapat.

"Lagipun, kadang-kadang rakyat meminta terlalu banyak daripada wakil mereka termasuk bola, jersi dan lain-lain. Kalau cadangan itu (melarang wakil rakyat berniaga) mahu juga dilaksanakan, kerajaan kena bayar gaji yang bagus.

"Seperti di Singapura, Perdana Menterinya dibayar gaji RM200,000 sebulan," katanya kepada pemberita

Wakil rakyat boleh terus berniaga

DARI MUKA 1

selepas menghadiri majlis Pemimpin Bersama Rakyat peringkat Parlimen Kubang Pasu di Sekolah Menengah Hosba, di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas pandangan sesetengah pihak termasuk di kalangan ahli akademik tempatan supaya wakil rakyat tidak menyertai bidang perniagaan.

Dr Mahathir berkata, kegiatan perniagaan di kalangan wakil rakyat adalah sama seperti dilakukan pihak lain, termasuk pensyarah universiti yang berbuat demikian untuk mencari pendapatan sampingan.

"Mereka sepatutnya tidak tengok orang lain saja, tapi perlu tengok diri sendiri juga," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, pilihan raya umum tidak boleh diadakan terlalu dekat antara satu sama lain kerana ia membabitkan perbelanjaan besar.

"Masa masih lama sebelum berakhir tempoh Parlimen sekarang dan dengan yang demikian masa itu haruslah dimanfaatkan. Kita masih ada masa sebelum sampai akhir hayat Parlimen.

"Kita tidak boleh terlalu kerap mengadakan pilihan raya kerana ia menelan belanja besar dan wang yang dibelanjakan itu ialah wang rakyat," katanya.

Tempoh kerajaan sekarang hanya akan berakhir Disember tahun depan.

Menurut Perdana Menteri, beliau sedang menanti petunjuk untuk menetapkan tarikh pilihan raya umum, sama ada ia akan diadakan segera ataupun lambat.

Apabila diminta menjelaskan apa yang beliau maksudkan dengan petunjuk itu, Dr Mahathir berkata sebenarnya pilihan raya boleh diadakan bila-bila masa sekarang, dari tahun ini sehingga tamat tempoh Parlimen kini.